

TERHAD



PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2020

BANTUAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2020

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana dimana ianya dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2020 dan pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 dibayar kepada pegawai di Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 sebanyak RM500.00 dan turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen sebanyak RM250.00.

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 adalah seperti berikut:
- 3.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*¹;
 - 3.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - 3.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 3.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan

¹ Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

TERHAD

- 3.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Aidilfitri ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.
4. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 juga dipanjangkan kepada:
 - 4.1 pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

5. Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 adalah:
 - 5.1 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas (KUPD) ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
 - 5.2 pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 20 Mei 2020;
 - 5.3 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 20 Mei 2020; dan
 - 5.4 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 20 Mei 2020

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

TERHAD

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

8. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

PESARA

9. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 kepada pesara UMT yang memilih skim pencen, dan penerima pencen terbitan pada atau sebelum 20 Mei 2020 dibawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

10. Pesara UMT yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada 20 Mei 2020 layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh UMT, jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

11. Pegawai UMT yang meninggal dunia pada 20 Mei 2020 layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 sebanyak RM500.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh UMT, jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH PEMBAYARAN

12. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 ini akan dibayar pada 20 Mei 2020.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

13. Pembayaran Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2020 ini adalah menjadi tanggungan UMT, di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan iaitu pada 11 Mei 2020.